



MAJLIS DAERAH TANGKAK
JALAN SIALANG,
84900 TANGKAK, TANGKAK,
JOHOR DARUL TA'ZIM

**NOTIS PEMBERITAHUAN
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)
KERJA – KERJA PEMBINAAN**

KEPADA : SEMUA PEMILIK PROJEK PEMBINAAN DI BAWAH AKTA 520 DAN PERKHIDMATAN PROFESIONAL YANG TERLIBAT DALAM INDUSTRI PEMBINAAN

TARIKH : 8 NOVEMBER 2020

SILA AMBIL PERHATIAN! Selaras dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang berkuatkuasa bermula **9 NOVEMBER 2020 sehingga 6 DISEMBER 2020**, semua tapak projek adalah **DIBENARKAN BEROPERASI** sepanjang tempoh berkenaan dengan mematuhi **arahan tetap** SOP Pembinaan;

- Operasi di kawasan PKPD tidak dibenarkan
- Tertakluk kepada Peraturan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
- Mematuhi mana-mana SOP yang dikeluarkan oleh CIDB, MKN, KKM dan Agensi yang termasuk dalam rantai bekalan dan perkhidmatan
- Mematuhi undang-undang bertulis yang berkuatkuasa – Akta 520 dan Akta 342
- *Patient under investigation & person under surveillance*, tidak dibenarkan datang bekerja dan perlu menjalani tempoh pengasingan yang ditetapkan oleh KKM.

Pemilik projek juga perlu mematuhi Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133), Undang – Undang Kecil Bangunan Seragam 1986 (Johor) dan SOP Kementerian Kerja Raya.

Perkara – perkara yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:

BIL	AKTIVITI	PENERANGAN/TINDAKAN
1	Memulakan ATAU Menyambung semula pembinaan sesuatu bangunan/projek pembangunan.	<p>Pemaju melalui Perunding berdaftar (PSP) yang dilantik perlu mengemukakan Borang B Jadual Kedua UKBS 1986 (UUK 22 (1) dan (2)) – Notis Memulakan/Penyambungan Kerja kepada pihak Majlis dengan mematuhi borang senarai semak OSC MDT dan perlu dilampirkan dokumen/ maklumat berikut:</p> <ol style="list-style-type: none">Salinan maklumat yang dikemukakan melalui CIMS CIDB termasuk senarai pekerja yang terlibat;Penyelaras yang terdiri daripada:<ul style="list-style-type: none">✓ Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO); atau✓ Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan (OSH-C); atau✓ Penyelia Tapak Bina (SSS); atau

BIL	AKTIVITI	PENERANGAN/TINDAKAN
		<ul style="list-style-type: none"> ✓ Setiausaha Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan; atau ✓ PemilikSyaraikat iii. Jadual Pelaksanaan Projek Terkini; iv. Senarai pekerja dan majikan yang menjalani Ujian Makmal Covid 19 dan salinan keputusan Covid 19; v. Salinan daftar CIDB; vi. Surat Akuan Janji kepada pihak MDT.(Format boleh dimuat turun di laman web www.mdtangkak.gov.my);dan vii. Lain-lain dokumen berkaitan
2	<p>Protokol Pencegahan Penyakit & Sekatan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penyediaan protokol di tempat kerja yang meliputi pengawasan penyakit dan pencegahan penyebaran jangkitan mengikut saranan KKM. • Sekatan jumlah perkumpulan (maksimum 5). <p>Keselamatan tapak</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kawalan kemasukan ke tapak. • Menyediakan alat saringan suhu badan atau thermal scanner (suhu badan 37.5 darjah celcius dan ke atas tidak dibenarkan masuk). • Melaksanakan saringan umum bagi mengesan gejala berkaitan COVID-19 seperti demam, batuk, sakit tekak atau sesak nafas. <ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan <i>hand sanitizer</i> dan melakukan saringan suhu di pintu masuk projek. • Menyediakan hand sanitizer di setiap kawasan bersesuaian. • Mewajibkan pemakaian topeng muka. • Memastikan penjarakan sosial 1 meter setiap masa. <p>Penyelenggaraan tapak</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memastikan tapak projek selamat dan bersih untuk pekerja dan persekitaran. <p>Pekerja Warga Asing (pekerja dan majikan)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pemilik projek/kontraktor perlu memastikan pekerja dan majikan warga asing WAJIB menjalani Ujian Makmal Covid-19 dan disahkan bebas Covid-19 sebelum dibenarkan memulakan kerja. • Segala kos berkaitan ujian tersebut perlu dibiayai oleh pihak majikan. 	<p>Pelaksanaan sepenuhnya SOP Sektor Pembinaan yang telah dikeluarkan oleh pihak Kerajaan (MKN/KKM/PBT/CIDB/KKR/ AGENSI -AGENSI KERAJAAN). Sila dapat SOP tersebut untuk rujukan.</p>
3	<p>Pemeriksaan Pengeluaran Sokongan CCC dan lawatan tapak oleh jabatan / agensi teknikal termasuk pemeriksaan Interim, pemeriksaan I dan II.</p>	<ul style="list-style-type: none"> i. Lawatan tapak dibuat secara berasingan bagi setiap agensi dengan melaksanakan sepenuhnya perkara (2); ii. Waktu operasi dan kehadiran pelanggan pukul 8.00 am – 4.30 pm. iii. Perlu mematuhi semua SOP yang berkaitan.

Nota :

- i. Adalah dimaklumkan mulai 4hb Mei 2020, semua kontraktor **WAJIB** mengisytiharkan segala maklumat berkaitan projek pembinaan melalui Portal CIDB (<http://cims.cidb.gov.my>).
- ii. Semua syarikat perlu mengisytihar maklumat syarikat di web MITI menerusi <https://notification.miti.gov.my/register> dan bersetuju dengan ikrar akujanji pematuhan SOP.

Pemilik Projek dan Perunding berdaftar (PSP) yang dilantik bagi setiap projek diminta mematuhi arahan ini **BERMULA 9 NOVEMBER 2020 HINGGA TEMPOH PKPB TAMAT** selaras dengan peruntukan kepada kuasa **Majlis Daerah Tangkak** di bawah **Seksyen 72(1)(f), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)**. Pemilik Projek juga bertanggungjawab sepenuhnya bagi kos-kos yang terlibat jika telah disahkan tapak projek tersebut dikuarantin kesan daripada penurulan Covid19.

Pemakluman dan arahan ini dikeluarkan dari semasa ke semasa dan akan dipinda jika ada arahan selanjutnya dari pihak Kerajaan Negeri. Kerjasama dan tindakan tuan/puan dalam perkara ini diucapkan terima kasih.

Dengan Arahan :

**Yang DiPertua
Majlis Daerah Tangkak**